

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana keberkesanannya penggunaan bahan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu di antara Sekolah Bestari dan Sekolah Menengah Biasa. Dalam bab ini juga akan menerangkan metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian, alat kajian, sampel kajian, dan cara penganalisaan data.

#### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian yang dijalankan secara ‘survey’ di dua buah sekolah terpilih di sekitar Lembah Kelang. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria yang merupakan sebuah Sekolah Bestari dan Sekolah Menengah Kebangsaan Yaakob Latif iaitu sebuah Sekolah Biasa. Rekabentuk ‘survey’ digunakan kerana difikirkan ia paling sesuai untuk mendapatkan data. Data dan hasil kajian diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar dan guru-guru yang berkenaan sahaja.

Ia melibatkan pelajar-pelajar mata pelajaran sejarah dari sebuah kelas terbaik dan guru-guru mata pelajaran sejarah dalam Tingkatan Satu. Seramai 25 orang pelajar dan 10 orang guru dari setiap sekolah tersebut yang terlibat dalam kajian ini.

### **3.2 Alat Kajian**

Instrumen atau alat kajian utama yang digunakan dalam kajian ini adalah merupakan satu set soal selidik yang digubal sendiri oleh pengkaji berpandukan borang soal selidik yang telah direka cipta oleh Profesor Dato' Isahak Haron dari Jabatan Pedagogi dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dan juga rujukan daripada soal selidik yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lain. Soal selidik kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran A dan B.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A untuk para pelajar dan Bahagian B untuk guru-guru sejarah Tingkatan Satu. Set soal selidik Bahagian A terdiri daripada 13 item dan terbahagi kepada 15 variabel. Mana kala Bahagian B pula mengandungi 17 item dan terbahagi kepada 18 variabel.

Soalan-soalan dalam kedua-dua set soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu soalan-soalan yang memerlukan jawapan terbuka dan tertutup. Soalan-soalan terbuka bagi set A merangkumi soalan-soalan seperti nama sekolah, pandangan dan sikap serta pencapaian pelajar. Mana kala soalan-soalan tertutup pula ialah yang berkaitan dengan pengetahuan multimedia, mata pelajaran sejarah dan

penglibatan dalam sesuatu aktiviti.

Bagi guru pula, soalan-soalan terbukanya meliputi soalan-soalan seperti nama sekolah, tahap dan kemahiran guru dalam bidang komputer, pandangan, sikap, kekerapan, keberkesanan penggunaan bahan multimedia dan masalah. Soalan-soalan tertutup terdiri daripada soalan-soalan berkaitan dengan pengetahuan tentang bahan multimedia dan penggunaan komputer.

### **3.3 Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah menengah sekitar Lembah Kelang iaitu :

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria (Sekolah Bestari)
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Yaakob Latif (Sekolah Biasa)

Sampel dalam kajian ini ialah seramai 50 orang pelajar, (25 orang pelajar dari setiap sekolah) dan 10 orang guru sejarah Tingkatan Satu (lima orang dari setiap sekolah) sesi 2000. Pelajar-pelajar dipilih dari kelas terbaik dari kedua-dua sekolah tersebut. Tarikh dan masa pergi ke sekolah-sekolah tersebut untuk menjalankan kajian adalah seperti berikut.

### **Jadual 3.0 : Pengumpulan Data**

<b>Sekolah</b>	<b>tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Aktiviti</b>
Sek. Men. Victoria	6.3.2000	10.30 pagi	Berjumpa dengan PK1 untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian.
	10.3.2000	12.00 – 12.30 tengahari	Meberikan borang soal selidik kepada 25 orang pelajar dari kelas Tingkatan Satu yang terbaik untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.
Sek. Men Yaakob Latif	7.3.2000	2.30 petang	Berjumpa dengan Penyelia Petang untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan kajian.
	10.3.2000	3.00 – 3.30 petang	Memberikan borang soalselidik kepada 25 orang pelajar dari kelas Tingkatan Satu yang terbaik untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

### **3.4 Cara Penganalisaan Data**

Semua data yang telah dikumpul diproses melalui penggunaan perisian komputer SPSS versi 9.0. Kekerapan atau frekuensi dan rujuk silang (crosstab tabulation) adalah merupakan ujian stastistik yang digunakan untuk menganalisa data yang diperolehi itu. Jadual kekerapan frekuensi digunakan untuk mendapat jawapan bagi setiap variabel. Ujian statistik khi-kuasa dua (chi-square) digunakan untuk melihat perhubungan yang signifikan antara dua variabel. Pengkaji juga telah menggunakan Likelihood Ratio, Chi-square pada aras signifikan 0.05 ( $p < 0.05$ ).